



## SIARAN AKHBAR

### LARANGAN MEROKOK DI PREMIS KERAJAAN

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merujuk kepada cadangan supaya dikeluarkan pekeliling/arahan melarang semua kakitangan awam merokok di tempat kerja masing-masing tidak kira dalam pejabat atau perkarangan jabatan.

Berdasarkan Senarai Kawasan Larangan Merokok yang diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2004 dan 2008, frasa **“di mana-mana kawasan premis Kerajaan”** telahpun dimasukkan ke dalam Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U.(A)324/2004] dan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2008 [P.U.(A)315/2008]. Sesiapa yang didapati bersalah kerana melanggar peraturan ini boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti **didenda sehingga RM10,000 atau dipenjara sehingga dua tahun**.

Ketua-ketua jabatan adalah bertanggungjawab untuk memperingatkan pegawai masing-masing mengenai larangan merokok di mana-mana kawasan premis Kerajaan seperti yang diwartakan. Penjawat awam juga hendaklah diingatkan bahawa mereka boleh diambil tindakan sekiranya melanggar peraturan berkenaan.

**Unit Komunikasi Korporat**

**Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia**

**5 Jun 2009**

**PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004  
(P.U. (A) 324/2004)  
PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN) 2008  
(P.U. (A) 315/2008)**

**SENARAI KAWASAN LARANGAN MEROKOK**

1. Di dalam pusat hiburan atau teater, kecuali pub, disco, kelab malam atau kasino
2. Di mana-mana kawasan hospital atau klinik
3. Di dalam lif atau tandas awam
4. Di dalam tempat makan atau kedai berhawa dingin
5. Di dalam kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam
6. Di dalam bangunan yang dinyatakan oleh menteri melalui pemberitahuan dalam warta
7. Di mana-mana kawasan lapangan terbang
- 8. Di mana-mana kawasan premis kerajaan**
9. Di mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa aktiviti perhimpunan di dalam sesuatu bangunan
10. Di mana-mana kawasan institusi pendidikan tinggi
11. Di mana-mana kawasan taman asuhan kanak
12. Di dalam bas sekolah
13. Di mana-mana tingkat dalam bangunan yang mempunyai kaunter perkhidmatan bank atau institusi kewangan, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dan Pos Malaysia
14. Di mana-mana kawasan di dalam kompleks membeli-belah
15. Di mana-mana kawasan di dalam stesyen minyak
16. Di mana-mana kawasan di dalam stadium, kompleks sukan, pusat kecergasan atau gimnasium
17. Di dalam mana-mana bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan
18. Di mana-mana kawasan di dalam perpustakaan
19. Di mana-mana kawasan di dalam kafe internet dan
20. Di mana- mana kawasan di dalam tempat latihan khidmat negara